

Soalan No: 23

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' HAJI FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH  
[ SABAK BERNAM ]

**TARIKH :** 12.3.2018 (ISNIN)

**SOALAN :**

**Dato' Haji Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah sasaran pencapaian gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) khususnya dari segi sains dan matematik, pendidikan TVET dan penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta meningkatkan profesionalisme guru bagi menghasilkan pendidikan berkualiti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Gelombang Kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menyasarkan untuk memacu penambahbaikan sistem. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan perubahan struktur sistem pendidikan negara untuk mempercepatkan perjalanan perubahan. KPM terus berusaha meningkatkan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

KPM berusaha mengukuhkan asas STEM di peringkat sekolah untuk memastikan negara mempunyai bilangan siswazah yang berkelayakan

dan mencukupi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri sebagai penggerak ekonomi Malaysia. Antara langkah yang akan diambil ialah meningkatkan enrolmen murid dalam bidang STEM. Dalam bidang TVET, sasaran KPM ialah peningkatan akses kepada pendidikan vokasional melalui pelbagai saluran serta meningkatkan kualiti pendidikan vokasional melalui akreditasi dan pengiktirafan industri. KPM berusaha meningkatkan kerjasama dengan industri dan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Pemetaan program TVET dengan keperluan industri juga dilaksanakan bagi memastikan program TVET selari dengan permintaan industri (*industrial demand*).

KPM menerusi inisiatif 108 Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu, menasarkan murid dapat menguasai dan menggunakan bahasa Melayu (BM) standard menerusi pedagogi terkini. Antara sasaran inisiatif BM adalah peningkatan pencapaian BM Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan kepujian BM Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2018. Kerangka Standard Bahasa Melayu yang dibangunkan oleh KPM juga disasarkan mendapat pengiktirafan pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Manakala pengukuhan penguasaan bahasa Inggeris (BI) juga diteruskan menerusi inisiatif 107. Sasaran yang ditetapkan ialah setiap lapisan murid di dalam sistem mencapai tahap penguasaan BI berdasarkan standard *Common European Framework of Reference for Language* menjelang tahun 2025.